

# COSYREL film-coated tablet

*Bisoprolol fumarate / perindopril arginine*

5mg/5mg, 5mg/10mg, 10mg/5mg, 10mg/10mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan COSYREL
2. Bagaimana COSYREL berfungsi
3. Sebelum mengambil COSYREL
4. Cara menggunakan COSYREL
5. Semasa menggunakan COSYREL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan COSYREL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan COSYREL

COSYREL 5mg/5mg & COSYREL 10mg/5mg digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan/atau kegagalan jantung kronik yang stabil (keadaan di mana jantung tidak mampu mengepam darah yang mencukupi untuk memenuhi keperluan badan menyebabkan kesesakan nafas dan kebengkakan) dan/atau penyakit koronari arteri stabil (keadaan di mana bekalan darah ke jantung kurang atau tersekat) dan yang telah mengalami serangan jantung dan/atau menjalani operasi untuk meningkatkan bekalan darah ke jantung dengan melebarkan saluran darah yang membekalkannya.

COSYREL 5mg/10mg & COSYREL 10mg/10mg digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan/atau penyakit koronari arteri stabil.

Daripada mengambil *bisoprolol fumarate* dan *perindopril arginine* secara tablet berasingan, anda akan mengambil hanya satu tablet COSYREL yang mengandungi kedua-dua bahan aktif tersebut pada kekuatan yang sama.

## Bagaimana COSYREL berfungsi

COSYREL mengandungi dua bahan aktif, *bisoprolol fumarate* dan *perindopril arginine* dalam satu tablet.

- *Bisoprolol fumarate* tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *beta-blockers*. Ia melambatkan kadar jantung dan membolehkan jantung mengepam darah dengan lebih cekap ke seluruh badan.
- *Perindopril arginine* adalah *angiotensin converting enzyme (ACE) inhibitor*. Ia berfungsi dengan melebarkan saluran darah, menjadikan

ia lebih mudah untuk jantung anda mengepam darah melaluinya.

## Sebelum mengambil COSYREL

*Bila tidak boleh mengambil*

***Jangan mengambil COSYREL jika anda:***

- alah kepada *bisoprolol* atau sebarang *beta-blocker* lain, kepada *perindopril* atau sebarang *ACE inhibitor* lain, atau sebarang bahan-bahan lain dalam ubat ini (yang disenaraikan dalam seksyen “Bahan-bahan kandungan”),
- mempunyai kegagalan jantung yang bertambah teruk secara mendadak dan/atau yang mungkin memerlukan rawatan hospital,
- mengalami kejutan kardiogenik (masalah jantung serius yang disebabkan oleh tekanan darah yang sangat rendah),
- mempunyai penyakit jantung berciri kadar jantung yang perlahan atau tidak tetap (sekatan atrioventrikular darjah kedua atau ketiga, sekatan sinoatrial, sindrom *sick sinus*),
- mempunyai kadar jantung yang perlahan,
- mempunyai tekanan darah yang sangat rendah,
- mengalami penyakit lelah yang teruk atau penyakit paru-paru kronik yang teruk,
- mempunyai masalah peredaran darah yang teruk dalam anggota badan anda (seperti sindrom *Raynaud*), yang boleh menyebabkan jari tangan dan kaki anda terasa gatal atau menjadi pucat atau biru,
- mempunyai *phaeochromocytoma* yang tidak dirawat (tumor kelenjar adrenal yang jarang),
- mempunyai asidosis metabolik, suatu keadaan di mana darah mengandungi terlalu banyak asid,
- pernah mengalami simptom seperti berdehit, bengkak pada muka, lidah atau tekak, gatal-gatal sengit atau ruam kulit yang teruk dengan rawatan *ACE inhibitor* sebelum ini atau jika anda/ahli keluarga anda mempunyai simptom ini dalam keadaan lain (juga dikenali sebagai angioedema),
- mengandung lebih daripada 3 bulan (dinasihati mengelak mengambil Cosyrel semasa awal dalam kehamilan - lihat seksyen mengandung)

- mengalami diabetes atau fungsi ginjal terjejas dan anda sedang dirawat dengan ubat tekanan darah yang mengandungi *aliskiren*,
- sedang menjalani dialisis atau filtrasi darah. Bergantung kepada mesin yang digunakan, COSYREL mungkin tidak sesuai untuk anda,
- mempunyai penyakit buah pinggang yang mengurangkan pengaliran darah ke buah pinggang (*renal artery stenosis*),
- Sekiranya anda telah atau sedang mengambil *sacubitril/valsartan* sejenis ubat untuk merawat kegagalan jantung kerana risiko ‘angioedema’ (bengkak yang mendadak di bawah kulit seperti tekak), akan meningkat. (lihat “Amaran dan langkah berjaga-jaga” dan “Ubat-ubat lain dan Cosyrel”).

## Kanak-kanak dan remaja

COSYREL tidak disarankan untuk digunakan dalam kanak-kanak dan remaja berumur 18 tahun ke bawah.

## Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda mengandung atau menyusukan anak, berkemungkinan mengandung atau merancang untuk mengandung, tanya doktor/ ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengguna ubat ini.

## Mengandung

Anda mesti memberitahu doktor jika anda fikir anda (atau mungkin menjadi) mengandung. Doktor biasanya akan menasihati anda untuk berhenti mengguna COSYREL sebelum anda mengandung atau sebaik sahaja anda mengetahui anda mengandung dan akan menasihati untuk mengguna ubat lain. COSYREL tidak disyorkan pada awal kehamilan, dan tidak boleh diguna apabila lebih daripada 3 bulan mengandung, kerana ia boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi anda jika digunakan selepas bulan ketiga kehamilan.

## Menyusukan anak

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusukan anak atau hendak mula menyusukan anak. COSYREL tidak disyorkan untuk ibu-ibu yang sedang

menyusukan anak, dan doktor anda mungkin memilih rawatan lain untuk anda jika anda ingin menyusukan anak, terutamanya jika anak anda baru dilahir, atau dilahirkan tidak cukup bulan.

Sebelum mula mengambil COSYREL

**Amaran dan langkah berjaga-jaga**

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengguna COSYREL, jika anda:

- mengalami diabetes,
- mengalami masalah ginjal (termasuk pemindahan ginjal) atau menerima dialisis,
- mengalami masalah hati,
- mengalami stenosis aortik dan mitral (pengecilan saluran darah utama yang menuju dari jantung) atau *hypertrophic cardiomyopathy* (penyakit otot jantung) atau stenosis arteri renal (pengecilan arteri yang membekalkan ginjal dengan darah),
- mempunyai hormon *aldosterone* yang tinggi dalam badan (hiperaldosteronisme utama),
- mengalami kegagalan jantung atau masalah jantung yang lain seperti gangguan kecil dalam ritma jantung atau sakit dada yang teruk semasa berehat (angina *Prinzmetal*),
- mengalami penyakit kolagen vaskular (penyakit tisu penghubung) seperti *systemic lupus erythematosus* atau *scleroderma*,
- mengamal diet garam terhad atau menggunakan pengganti garam yang mengandungi kalium (terlalu banyak kalium dalam darah boleh menyebabkan perubahan pada kadar jantung),
- baru-baru ini mengalami cirit-birit atau muntah-muntah, atau mengalami dehidrasi (COSYREL boleh menyebabkan penurunan tekanan darah),
- akan menjalani *LDL apheresis* (penyingkiran kolesterol dari darah oleh mesin),
- menerima rawatan anti alahan atau akan menjalani rawatan penyahpekaan untuk mengurangkan kesan alahan kepada sengatan lebah atau tebuian,
- sedang berpuasa atau mengamal diet yang tegas,
- akan menjalani anestesia dan/atau pembedahan major,
- mengalami sebarang masalah peredaran darah dalam anggota badan anda,

- mengalami penyakit lelah atau penyakit paru-paru kronik,
  - mengalami (atau pernah mengalami) psoriasis,
  - mempunyai tumor kelenjar adrenal (*phaeochromocytoma*),
  - mengalami gangguan tiroid (COSYREL boleh menyembunyikan gejala tiroid yang terlalu aktif),
  - mengalami angioedema (reaksi alahan yang teruk dengan bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak dengan kesukaran menelan atau bernafas). Ini boleh berlaku pada bila-bila masa semasa rawatan. Jika anda mengalami gejala-gejala tersebut, anda perlu berhenti mengguna COSYREL dan berjumpa doktor dengan segera,
  - berasal kulit hitam kerana anda mungkin mempunyai risiko angioedema yang lebih tinggi dan ubat ini mungkin kurang berkesan untuk mengurangkan tekanan darah anda berbanding kepada pesakit bukan berasal kulit hitam,
  - sedang mengguna ubat-ubatan berikut untuk merawat tekanan darah tinggi:
    - *angiotensin II receptor blocker* (ARBs) (juga dikenali sebagai sartans – contohnya *valsartan*, *telmisartan*, *irbesartan*), khususnya jika anda mempunyai masalah ginjal yang berkaitan dengan diabetes.
    - *aliskiren*
- Doktor anda mungkin akan memeriksa fungsi ginjal anda, tekanan darah, dan jumlah elektrolit (contohnya kalium) dalam darah anda secara berkala. Lihat juga maklumat di seksyen “Jangan mengambil COSYREL”.
- mengguna mana-mana ubat berikut, risiko angioedema meningkat:
    - *racecadotril* (digunakan untuk merawat cirit-birit).
    - *sirolimus*, *everolimus*, *temsirolimus* dan ubat-ubatan lain yang tergolong dalam kelas yang dipanggil *mTOR inhibitors* (digunakan untuk mengelak penolakan organ yang dipindahkan dan merawat kanser).
    - *sacubitril* (didapati dalam kombinasi dengan *valsartan* untuk merawat kegagalan jantung untuk jangka masa panjang).
    - *linagliptin*, *saxagliptin*, *sitagliptin*, *vildagliptin* dan lain-lain ubat dalam kumpulan *gliptins* (untuk merawat penyakit kencing manis).

Jika mengguna ubat-ubat lain

Pastikan anda memberitahu doctor atau ahli farmasi jika anda sedang atau akan mengambil sebarang ubat-ubatan.

Beberapa ubat-ubatan boleh mempengaruhi kesan COSYREL atau kesan ubatan tersebut boleh dipengaruhi oleh COSYREL. Ini boleh mengakibatkan satu atau kedua-dua ubatan tersebut kurang berkesan. Selain itu ia boleh meningkatkan risiko atau keparahan kesan-kesan sampingan.

Pastikan anda memberitahu doktor/ ahli farmasi jika anda mengguna mana-mana ubatan yang berikut:

- ubat-ubatan untuk mengawal tekanan darah atau masalah jantung (seperti *amiodarone*, *amlodipine*, *clonidine*, *digitalis glycosides*, *diltiazem*, *disopyramide*, *felodipine*, *flecainide*, *lidocaine*, *methylodopa*, *moxonidine*, *procainamide*, *propafenone*, *quinidine*, *rilmendine*, *verapamil*),
- ubat-ubatan lain untuk merawat tekanan darah tinggi, termasuk ARBs, *aliskiren* atau *diuretics* (ubat-ubatan yang meningkatkan jumlah air kencing yang dihasilkan oleh ginjal),
- ubat *potassium-sparing* (contohnya *triamterene*, *amiloride*), suplemen potassium atau pengganti garam yang mengandungi kalium, ubat-ubatan lain yang boleh meningkatkan kalium dalam badan (seperti *heparin*, sejenis ubat digunakan untuk menipiskan darah untuk mengelak pembekuan darah; *trimethoprim* dan *co-trimoxazole* yang juga dikenali sebagai *trimethoprim/sulfamethoxazole* untuk jangkitan bakteria),
- ubat *potassium-sparing* untuk rawatan kegagalan jantung: *eplerenone* dan *spironolactone* pada dos antara 12.5mg hingga 50mg sehari,
- agen *sympathomimetics* untuk merawat kejutan klinikal (*adrenaline*, *noradrenaline*, *dobutamine*, *isoprenaline*, *ephedrine*),
- *estramustine* untuk rawatan kanser,
- ubat-ubatan, yang paling kerap diguna untuk merawat cirit-birit (*racecadotril*) atau mengelak penolakan organ-organ yang dipindahkan (*sirolimus*, *everolimus*, *temsirolimus* dan ubat-ubatan lain yang tergolong dalam kelas *mTOR inhibitors*).
- *sacubitril/valsartan* (digunakan untuk merawat kegagalan jantung masa

jangka panjang). Lihat bahagian "Jangan mengambil COSYREL" dan "Amaran dan langkah berjaga-jaga",

- *lithium* untuk merawat mania atau kemurungan,
- ubat-ubatan tertentu untuk merawat kemurungan seperti *imipramine*, *amitriptyline*, *monoamine oxidase (MAO) inhibitors* (kecuali *MAO-B inhibitors*),
- ubat-ubatan tertentu untuk merawat skizofrenia (antipsikotik),
- ubat-ubatan tertentu untuk merawat epilepsi (*phenytoin*, *barbiturates* seperti *phenobarbital*),
- agen anestetik untuk pembedahan,
- *vasodilator* termasuk *nitrates* (ubat yang akan mengakibatkan saluran darah menjadi lebih luas),
- *trimethoprim* yang digunakan untuk merawat jangkitan,
- *immunosuppressants* (ubat yang melemahkan sistem imunisasi badan) seperti *ciclosporin*, *tacrolimus*, yang digunakan untuk rawatan gangguan auto-imun atau selepas pembedahan transplan,
- *allopurinol* untuk merawat penyakit gout,
- ubat-ubatan *parasympathomimetics* untuk merawat keadaan seperti penyakit Alzheimer atau glaukoma,
- topikal *beta-blockers* untuk merawat glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata),
- *mefloquine* untuk mencegah atau merawat malaria,
- *baclofen* untuk merawat kekejangan otot dalam penyakit seperti *multiple sclerosis*,
- 'gold salts', terutamanya dengan cara 'intravenous' untuk merawat simptom artritis reumatoid,
- ubat-ubatan untuk merawat diabetes seperti *insulin*, *metformin*, *linagliptin*, *saxagliptin*, *sitagliptin*, *vildagliptin*,
- ubat-ubatan *non-streoidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs)* seperti *ibuprofen* atau *diclofenac* atau *acetylsalicylic acid* dos tinggi untuk merawat artritis, sakit kepala, kesakitan atau keradangan.

### Cara menggunakan COSYREL

Sentiasa mengguna ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor/ ahli farmasi anda. Semak dengan mereka jika anda tidak pasti.

### Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan ialah satu tablet sekali sehari.

### Pesakit dengan penyakit ginjal

Doktor anda boleh mempreskripsikan setengah tablet COSYREL jika anda menghidap penyakit ginjal yang sederhana.

COSYREL tidak disyorkan jika anda menghidap penyakit ginjal yang teruk.

### Bila perlu digunakan

Telan tablet anda dengan segelas air pada waktu pagi sebelum makan.

### Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengguna COSYREL secara tiba-tiba atau menukar dos tanpa nasihat doktor kerana ini boleh menyebabkan keadaan jantung bertambah teruk. Rawatan ini tidak boleh dihentikan secara mendadak, terutamanya pada pesakit yang mengalami penyakit arteri koronari.

### Jika terlupa menggunakan

Ia adalah penting untuk mengambil ubat anda setiap hari kerana rawatan rapi adalah lebih berkesan. Walau bagaimanapun, jika anda terlupa mengambil dos COSYREL, ambil dos seterusnya pada waktu yang biasa. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih tablet daripada yang diarahkan, hubungi doktor/ ahli farmasi anda dengan segera. Kesan yang paling berkemungkinan adalah tekanan darah rendah yang boleh mengakibatkan anda berasa pening atau pengsan (jika ini berlaku, baring dengan membangkitkan kaki boleh membantu), kesukaran bernafas, gegaran (kerana gula darah berkurangan) dan kadar degupan jantung perlahan.

### **Semasa menggunakan COSYREL**

#### Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor/ahli farmasi anda.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengguna COSYREL atau menukar dos tanpa nasihat doktor anda.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

**COSYREL dengan makanan, minuman dan alkohol**

Ia adalah lebih baik untuk mengambil COSYREL sebelum makan.

### **Memandu dan mengendalikan mesin**

COSYREL biasanya tidak menjejaskan kecerdasan tetapi kepeningan atau kelemahan disebabkan oleh tekanan darah rendah boleh terjadi pada sesetengah pesakit, terutamanya pada permulaan rawatan atau apabila ada perubahan perubatan dan juga bersempena dengan alkohol. Jika anda mengalami kesan-kesan tersebut, keupayaan untuk memandu atau mengendalikan jentera mungkin terjejas.

### **COSYREL mengandungi natrium**

COSYREL mengandungi kurang daripada 1 mmol natrium (23 mg) setiap tablet, iaitu boleh dikatakan 'bebas natrium'.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

**Berhenti mengguna ubat ini dan berjumpa doktor dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang berikut:**

- kepeningan yang teruk atau pengsan kerana tekanan darah rendah (biasa-boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang),
- kegagalan jantung bertambah teruk mengakibatkan kesesakan nafas dan/atau pengekalanan cecair (biasa-boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang),
- bengkak muka, bibir, mulut, lidah atau tekak, kesukaran bernafas (*angioedema*) (luar biasa-boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang),
- berdehit secara mendadak, sakit dada, sesak nafas, atau kesukaran bernafas (*bronchospasm*) (luar biasa-boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang),
- degupan jantung yang cepat atau tidak teratur yang luar biasa, sakit dada (*angina*) atau serangan jantung (sangat jarang-boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10,000 orang),
- kelemahan tangan atau kaki, atau masalah percakapan yang mungkin adalah tanda-tanda strok (sangat jarang-boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10,000 orang),
- keradangan pankreas yang boleh menyebabkan sakit perut dan belakang yang teruk disertai dengan rasa sangat

tidak sihat (sangat jarang- boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10, 000 orang),

- kekuningan kulit atau mata (demam kuning) yang mungkin adalah tanda hepatitis (sangat jarang- boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10, 000 orang),
- ruam kulit yang sering bermula dengan tompok gatal merah pada muka, lengan tangan atau kaki (*erythema multiforme*) (sangat jarang- boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10, 000 orang),

COSYREL biasanya diterima baik tetapi, seperti dengan mana-mana ubat, orang boleh mengalami kesan sampingan yang berbeza, terutamanya pada permulaan rawatan.

**Jika anda mesyaki mendapati kesan sampingan yang terdapat di senarai bawah sini, ataupun tidak terdapat dalam senarai di bawah, tolong memberitahu doktor atau ahli farmasi dengan segera.**

Sangat biasa (boleh menjejaskan lebih daripada 1 dalam 10 orang):  
degupan jantung yang perlahan.

Biasa (boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang):  
sakit kepala, kepeningan, vertigo, gangguan rasa, kesemutan, kesemutan atau kebas tangan dan kaki, gangguan penglihatan, *tinnitus* (sensasi bunyi atau berdering dalam telinga), rasa kesejukan pada tangan atau kaki, batuk, sesak nafas, gangguan gastro-usus seperti rasa loya, muntah, sakit perut, masalah penghadaman atau dispepsia, cirit-birit, sembelit, reaksi alahan seperti ruam kulit, gatal-gatal, kekejangan otot, rasa kepenatan, keletihan.

Luar biasa (boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang):  
perubahan emosi, gangguan tidur, kemurungan, mulut kering, gatal-gatal sengit atau ruam kulit yang teruk, pembentukan kelompok lepuh atas kulit, peningkatan sensitiviti kulit kepada cahaya matahari (reaksi *photosensitivity*), berpeluh, masalah ginjal, mati pucuk, lebihan eosinofil (sejenis sel darah putih), rasa mengantuk, rasa pengsan, rasa berdebar-debar,

*tachycardia*, kadar jantung yang tidak teratur (gangguan AV-konduksi keradangan saluran darah (vaskulitis)), kepeningan semasa berdiri, kelemahan otot, *arthralgia* (sakit sendi), *myalgia* (sakit otot), sakit dada, kelesuan, kebengkakan setempat (*peripheral oedema*), demam, jatuh, perubahan dalam parameter makmal: tahap darah potassium tinggi yang boleh kembali normal dengan pemberhentian ubat, tahap natrium rendah, paras gula dalam darah yang sangat rendah (*hypoglycaemia*) dalam pesakit diabetes, peningkatan urea dan kreatinin darah.

Jarang (boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 1,000 orang):  
kegagalan akut ginjal, air kencing gelap, merasa sakit (loya) atau sakit (muntah), kekejangan otot, kekeliruan dan sawan. Ini mungkin simptom-simptom keadaan yang dipanggil SIADH (rembesan hormon antidiuretik yang tidak sesuai), pengeluaran air kencing berkurangan atau tiada, kulit kemerahan, mimpi buruk, halusinasi, aliran air mata berkurangan (mata kering), masalah pendengaran, keradangan hati yang boleh menyebabkan kekuningan kulit atau putih mata, alahan hidung berair, bersin, tindak balas alahan seperti gatal-gatal, kemerahan, ruam, *psoriasis* bertambah teruk, perubahan dalam parameter makmal: peningkatan tahap enzim hati, tahap serum bilirubin, tahap lemak yang berbeza daripada normal.

Sangat jarang (boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10,000 orang):  
kekeliruan, iritasi dan kemerahan mata (konjunktivitis), *eosinophilic pneumonia* (sejenis pneumonia luar biasa), keradangan pankreas (yang menyebabkan kesakitan teruk pada bahagian perut dan belakang), keguguran rambut, kemunculan atau ruam kulit bersisik yang bertambah teruk (*psoriasis*), perubahan nilai-nilai darah seperti jumlah sel-sel darah putih, merah, hemoglobin dan platelet yang lebih rendah.

*Kekerapan tidak diketahui* (kekerapan tidak dapat dianggarkan dari data yang

ada): perubahan warna, kebas dan sakit jari atau jari kaki (*Raynaud's phenomenon*).

Seciranya anda mempunyai simptom-simptom ini, hubungi doktor anda secepat mungkin.

### Melaporkan kesan sampingan

Beritahu doktor/ pegawai farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang mengganggu anda atau yang berterusan. Inilah beberapa kesan sampingan COSYREL sahaja. Hubungi doktor/ pegawai farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

### Cara penyimpanan dan pelupusan COSYREL

#### Penyimpanan

Simpan ubat ini jauh dari penglihatan dan pencapaian kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Ubat ini tidak memerlukan keadaan penyimpanan khas. Setelah dibuka, COSYREL harus digunakan dalam masa 20 hari untuk bekas 10 tablet bersalut filem dan 60 hari untuk bekas 30 tablet bersalut filem.

#### Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan anda yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

#### Rupa dan warna produk:

COSYREL 5/5mg: Merah jambu kuning gelap, berbentuk bujur, tablet bersalut filem *bilayer scored*, berukuran 8.3mm panjang dan 4.5mm lebar, diukir dengan 'S' pada satu muka dan '5/5' pada muka yang lain. Tablet ini boleh dibahagikan kepada dua.

COSYREL 5/10mg: Merah jambu kuning gelap, berbentuk bujur, tablet bersalut filem *bilayer scored*, berukuran 9.8mm panjang dan 5.4mm lebar, diukir dengan '☞', pada satu muka dan '5/10' pada muka yang lain. Tablet ini boleh dibahagikan kepada dua.

COSYREL 10/5mg: Merah jambu kuning gelap, berbentuk bulat, tablet bersalut filem *bilayer*, berukuran 7mm diameter dan radius 12.7mm, diukir dengan '☞', pada satu muka dan '10/5' pada muka yang lain.

COSYREL 10/10mg: Merah jambu kuning gelap, berbentuk bujur, tablet bersalut filem *bilayer*, berukuran 10mm panjang dan 5.7mm lebar, diukir dengan '☞', pada satu muka dan '10/10' pada muka yang lain.

Tablet boleh didapati dalam kotak 10 atau 30 tablet bersalut filem. Bukan semua saiz bungkusan akan dipasarkan.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif:

*Bisoprolol fumarate* dan *perindopril arginine*.

COSYREL 5/5mg: Setiap tablet mengandungi 5mg *bisoprolol fumarate* bersamaan dengan 4.24mg *bisoprolol* dan 5mg *perindopril arginine* bersamaan dengan 3.395mg *perindopril*.

COSYREL 5/10mg: Setiap tablet mengandungi 5mg *bisoprolol fumarate* bersamaan dengan 4.24mg *bisoprolol* dan 10mg *perindopril arginine* bersamaan dengan 6.790mg *perindopril*.

COSYREL 10/5mg: Setiap tablet mengandungi 10mg *bisoprolol fumarate* bersamaan dengan 8.49mg *bisoprolol* dan 5mg *perindopril arginine* bersamaan dengan 3.395 mg *perindopril*.

COSYREL 10/10mg: Setiap tablet mengandungi 10mg *bisoprolol fumarate* bersamaan dengan 8.49mg *bisoprolol* dan 10mg *perindopril arginine* bersamaan dengan 6.790mg *perindopril*.

- Bahan-bahan lain:

*Cellulose microcrystalline PH 102 (E460)*, *calcium carbonate (E170)*, *pregelatinised maize starch*, *sodium starch glycolate type A (E468)*, *silica colloidal anhydrous (E551)*, *magnesium stearate (E572)*, *croscarmellose sodium (E468)*, *glycerol (E422)*, *hypromellose (E464)*, *macrogol 6000*, *titanium dioxide (E171)*, *iron oxide yellow (E172)*, *iron oxide red (E172)* dan air tulen.

Nombor MAL:

COSYREL 5mg/5mg:

MAL19016040AZ

COSYREL 5mg/10mg:

MAL19016043AZ

COSYREL 10mg/5mg:

MAL19016042AZ

COSYREL 10mg/10mg:

MAL19016041AZ

**Pengilang**

Les Laboratoires Servier Industrie

905, route de Saran

45520 Gidy

France

**Pemegang pendaftaran produk**

Servier Malaysia Sdn Bhd

Unit No.25-02, Level 25, Imazium

No.8, Jalan SS21/37,

Damansara Uptown

47400 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan

**Tarikh kemaskini RiMUP**

31.03.2023

**No. Siri**

NPRA (R1/4) 13072023/131